

Menyedarkan Britain jangan anggap Malaysia sambil lewa

PM: LAWATAN 'YANG AMAT BERGUNA'

LONDON 25 Julai — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa lawatan rasminya yang tamat hari ini telah menyedarkan Britain bahawa ia sudah tidak boleh lagi menganggap Malaysia sebagai negara yang mereka tidak perlu mengambil berat.

Bercakap kepada para wartawan di akhir lawatan enam hari itu, Perdana Menteri berkata, Britain sendiri sedar

Dari
Khalid Mohd.

akan hakikat ini dan menegaskan hasrat untuk berusaha menjaga hubungan mereka dengan Malaysia yang pernah timbul tenggelam itu.

Puan Margaret Thatcher yang mengunjungi Datuk Sri Dr. Mahathir di hotelnya untuk mengucapkan selamat jalan pula menyifatkan lawatan rakan sejawatnya itu sebagai berfaedah bagi kedua buah negara dan menaruh harapan terhadap hubungan masa depan yang lebih akrab.

Semasa beralian keluar setelah menemui

Perdana Menteri, Puan Thatcher memberitahu para wartawan Malaysia bahawa beliau menghargai sikap terus - terang Datuk Sri Dr. Mahathir dan terpesona dengan kandungan ucapan - ucapannya yang bernas semasa berada di London.

Puan Thatcher berkata beliau sempat mengadakan perbincangan "berfaedah" dengan Datuk Sri Dr. Mahathir dalam kunjungan selamat tinggal itu.

"Saya menghargai apa yang Datuk Sri Dr. Mahathir kata dan mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dan rakyat Malaysia di atas lawatan yang amat berjaya dan berfaedah itu," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang meneruskan perjalanannya ke Budapest (Hungary) esok juga menyifatkan lawatan rasminya ke Britain sebagai "amat berguna" dan akan mencapai hasil seperti yang dirancangkan.

Katanya, beliau yakin pelaburan British akan bertambah memandangkan minat yang telah ditunjukkan oleh para usahawannya semasa beliau mengadakan pertemuan dan rundingan dengan mereka sepanjang berada di London.

Menurutnya, rundingan - rundingan perniagaan yang diadakan sepanjang lawatan beliau dihadiri sendiri oleh ketua-ketua eksekutif yang mengepalai industri - industri besar di Britain termasuk "kapten - kapten" dalam bidang perniagaan.

"Mereka menyatakan keinginan untuk melabur di Malaysia dan saya percaya ini adalah benar-benar hasrat mereka. Mereka juga sedar mereka perlu memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi Malaysia," katanya.

Di samping itu, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata Malaysia berminat membeli pesawat "Advanced Turboprop" (ATP) keluaran British Aerospace jika syarat-syarat pembeliannya sesuai dengan kehendak Malaysia.

Malaysia sedang mencari pesawat yang sesuai untuk dibeli bagi menggantikan pesawat jenis Fokker yang digunakan untuk penerbangan jarak dekat oleh MAS sekarang.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kerajaan belum membuat sebarang keputusan berhubung dengan pem-

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

PM: Lawatan 'yang amat berguna'

belian ini.

Ditanya apakah syarat-syarat pembelian yang beliau sebutkan itu, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, ada komponen - komponen kapal terbang yang dibuat oleh British Aerospace yang mampu dibuat oleh Malaysia.

Perusahaan Penerbangan Nasional (AIM), menurutnya, berminat untuk membuat komponen - komponen itu dan jika Malaysia membeli pesawat ATP itu, pihak British

Aerospace sepatutnya memberi peluang perniagaan kepada Malaysia.

Menjawab satu pertanyaan, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata buat masa ini Malaysia tidak mempunyai rancangan untuk membeli pesawat pejuang yang dikeluarkan oleh British Aerospace seperti "Tornado Ids" yang ditunjukkan kepadanya dalam lawatan beliau ke kilang membuat kapal terbang itu semalam.

Bagaimanapun, kata-

nya, Malaysia mungkin menimbang pembelian pesawat pejuang itu di masa depan jika TUDM perlu menambah pesawatnya. Begitu juga dengan "Rapier Missile" yang dikeluarkan oleh Aerospace.

Sementara itu, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata Malaysia masih berharap dan akan terus berusaha untuk mendapatkan dua lagi penerbangan tambahan ke London. Pada masa ini MAS terbang lima kali seminggu ke London.

Menurutnya, bilangan penumpang semakin bertambah dan Malaysia yakin dapat mengisi kedua-dua penerbangan

tambahan itu.

Bagaimanapun pihak British berpendapat sebaliknya.

Permintaan Malaysia itu telah beberapa kali dibuat termasuk semasa Margaret Thatcher melawat Malaysia pada 1985 tetapi sehingga ini permintaan itu masih ditolak oleh Britain.

Perlu disebut, British Airways sendiri berulang-alik antara London dengan Kuala Lumpur dan syarikat penerbangan ini juga memerlukan perlindungan dari kerajaannya dalam menghadapi saingan hebat dari syarikat - syarikat penerbangan Asia Tenggara yang digemari ramai itu.